

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PLG 476 - Kaedah Mengajar Geografi II

Masa : [3 jam]

Jawab empat (4) soalan sahaja. Soalan 1 di BAHAGIAN A adalah wajib dan pilih tiga (3) daripada BAHAGIAN B.

A. SOALAN WAJIB

1. Pendidikan geografi di sekolah-sekolah menengah di kebanyakan negara masih terikat pada situasi politik, ekonomi dan sosial. Analisis kenyataan ini dari aspek : matlamat pendidikan geografi, aliran pemikiran geografi dunia dan kesesuaiannya dengan kurikulum geografi hakiki.

[100 markah]

B. SOALAN PILIHAN

2. Analisis kesemua teknik berikut dari aspek : konsep dan prosedurnya.
 - (a) Inkuiri dan geografi manusia
 - (b) Simulasi dan isu-isu geografi
3. Analisis kesemua bahan pengajaran berikut dari aspek : prosedur penyediaannya dan implikasinya.
 - (a) Modul Tiga Dimensi dan geografi fizikal
 - (b) Carta dan poster dan geografi manusia
4. Ujian lisan boleh menguji kebolehan kognitif dan afektif murid dalam bidang geografi. Komenkan kenyataan ini dari sudut prinsip, prosedur dan implikasinya terhadap pengajaran geografi.

[100 markah]

[100 markah]

[100 markah]

...2/-

5. **Pemikiran Lateral boleh melahirkan generasi berfikiran geografis. Kritik dan analisis pernyataan ini dari sudut konsep, prosedur dan implikasinya di dalam pembelajaran murid.**

[100 markah]

6. **Seorang guru geografi menghadapi masalah dalam pengajarannya apabila kebanyakan muridnya menunjukkan kurang minat dan prestasi pencapaian akademik yang rendah. Bincangkan isu ini berdasarkan : kemungkinan sebab kurang minat, alternatif teknik pengajaran yang sesuai dan pengurusan bahan pembelajaran yang berkesan.**

[100 markah]

- 0000000 -